



SIARAN MEDIA

PENEMBUSAN TERAKHIR MESIN PENGOREK TEROWONG BAGI MRT LALUAN PUTRAJAYA

Kuala Lumpur, 17 Julai 2020: MRT Laluan Putrajaya (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya) hari ini menyaksikan penembusan terakhir mesin pengorek terowong di tapak Stesen MRT Ampang Park. Ini menandakan pencapaian yang penting bagi projek ini.

Mesin Pengorek Terowong, dengan nama kod TBM 774, dilancarkan pada bulan September 2019 dari tapak Stesen MRT Conlay dan telah menggali sebahagian daripada terowong MRT di bawah Jalan Stonor, Persiaran KLCC, Jalan Binjai dan Jalan Ampang serta terowong Laluan LRT Kelana Jaya, ke tapak Stesen MRT Ampang Park, dengan jarak 917 meter.

Penembusan mesin pengorek terowong – di mana mesin pengorek terowong menyelesaikan kerja penggalian dan menembusi dinding dan memecah masuk ke dalam kekotak stesen atau syaf – telah disaksikan oleh Datuk Mohd Zarif Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) yang baru dilantik.

“Kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MMC Gamuda atas penembusan mesin pengorek terowong pada hari ini. Ini ialah satu pencapaian yang amat penting bagi projek ini,” katanya semasa menghadiri majlis penembusan tersebut.

Tambah beliau, penembusan hari ini juga telah menunjukkan bahawa projek ini dalam mencapai kemajuan yang baik walaupun dunia kini mengalami pandemic Covid-19.



Turut menghadiri majlis penembusan tersebut adalah Pengarah Projek MRT Laluan Putrajaya MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris, Pengarah MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd Dato' Ir Paul Ha dan Datuk Seri Che Khalib Mohd Noh serta Pengarah Projek MRT Laluan Putrajaya MMC Gamuda Dato' Wong Wai Ching. MMC Gamuda merupakan kontraktor serah kunci (turnkey) pembinaan MRT Laluan Putrajaya.

Dengan penembusan mesin pengorek terowong pada hari ini, penggalian terowong untuk MRT Laluan Putrajaya telah mencapai kemajuan 98% siap. Hanya tinggal kurang dari 400m jarak terowong dan dijangka siap pada bulan hadapan.

Baki bahagian ini sedang dikorek oleh mesin pengorek terowong terakhir dari sejumlah 12 mesin pengorek terowong yang digunakan untuk projek. Namun begitu, penyiapan baki bahagian ini tidak akan sehebat penembusan hari ini kerana mesin pengorek terowong akan dileraikan di dalam terowong sebaik sahaja selesai kerja di dinding penahan Stesen Tun Razak Exchange.

Amiruddin berkata penembusan pada hari ini merupakan hasil kejayaan dari semua yang terlibat di dalam projek di mana semua orang telah bekerjasama dan bekerja dengan tekun bagi memastikan projek siap tepat pada masanya dan mengikut kos.

"Kerja-kerja terowong begitu mencabar kerana kami terpaksa menggali menerusi tiga jenis keadaan geologi, iaitu batu kapur, granit dan Formasi Kenny Hill. Keadaan batu kapur merupakan antara formasi yang paling mencabar untuk digali," kata beliau.

Menyentuh isu pandemic Covid-19, Amiruddin berkata MRT Corp dan kontraktor serah kuncinya sangat mementingkan keselamatan pekerja.

"Semua kelulusan dari pihak berkuasa yang diperlukan telah diperoleh sebelum kami membenarkan kerja-kerja disambung semula. Semua pekerja yang bekerja di tapak perlu menjalani ujian Covid-19 dan ini memastikan pekerja kami sihat dan kerja pembinaan berjalan lancar," tambah Amiruddin.

Bahagian bawah tanah MRT Laluan Putrajaya adalah sepanjang 13.5km. Bagi membina terowong berkembar untuk jajaran bawah tanah ini, 12 mesin pengorek terowong telah digunakan. Daripada 12 mesin pengorek terowong ini, lapan telah digunakan untuk MRT Laluan Kajang (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang) sebelum ini dan telah menjalani pengubahsuaian di sebuah



kilang di Pusing, Perak sebelum diguna semula untuk MRT Laluan Putrajaya. Ini merupakan kali pertama kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan di Malaysia.

Mesin pengorek terowong juga telah menjalani pembaikan dan peningkatan, termasuk kebolehan untuk dikendalikan secara autonomi dengan penggunaan algoritma kecerdasan buatan untuk mengoptimumkan prestasi.

MRT Laluan Putrajaya merupakan laluan kedua di bawah Projek MRT Lembah Klang. Laluan ini akan mempunyai 36 stesen, di mana sembilan daripadanya adalah stesen bawah tanah. Keseluruhan jajaran adalah sepanjang 56.2km dari Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral.

Keseluruhan kemajuan MRT Laluan Putrajaya kini adalah melebihi 75% siap.

-tamat/-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my